

WikiLeaks tunjukkan

Washington, media AS marah

Kebenaran di Iraq

Berita

HARIAN

31 OCT 2010

MIS 28 & 29

rah Julian Assange dedah pelbagai jenayah di negara Teluk



Washington, media AS m

Oleh Nurul Hazren Masitom
bhnews@bharian.com.my

KEKEJAMAN, penyeksaan dan kematian orang awam, inilah warisan Amerika Syarikat selepas perang di Iraq. Itulah kesimpulan hampir 400,000 dokumen laporan rahsia ketenteraan AS yang disiarkan laman web penggali kekotoran, WikiLeaks.

Namun sekali lagi, pemimpin politik AS dan cawangan media terkenal cuba menutup pendedahan terbabit. Bukan saja media berkenaan cuba memutar belitkan laporan supaya menjadikan AS kelihatan baik, namun ahli politik mengecam WikiLeaks dan pengasasnya, Julian Assange kerana menerbitkan bahan itu.

Orang sama yang bersorak mengenai peperangan itu terutama pegawai kerajaan yang cuba mendapatkan keuntungan hasil pencerobohan, kepada

TAHANAN Iraq di Penjara Abu Gh

media aliran utama yang tidak peduli memainkan kes itu atas alasan perang, kini cuba memperkecilkan pendedahan WikiLeaks dengan memburuk-burukkan Assange.

Pendedahan terbaru menyusuli pengeluaran dokumen perang Afghanistan, Julai lalu, mengenai jentera perang AS.

Ia menyokong kata-kata aktivis serta apa yang media aliran utama tidak sanggup dedahkan iaitu pencerobohan dan penjajahan itu adalah igauan ngeri ke atas penduduk Iraq.

Sekali lagi, WikiLeaks mendedahkan butir-butir dokumen itu terlebih dulu kepada beberapa penerbitan utama termasuk *New York Times*, *The Guardian* di Britain dan *Der Spiegel*, Jerman.


"Perincian baru mengerunkan konflik menunjukkan lebih 100,000 penduduk Iraq terbunuh dalam tempoh enam tahun berturut-turut, dan tentera AS sering gagal campur tangan ketika kerajaan Iraq disokong Washington mendera tahanan," lapor *Washington Post* yang memetik dokumen itu.

Namun, media AS dilihat tidak menyalahkan tentera AS. Berbeza dengan *The Guardian* yang lebih berani membuat penilaian, termasuk:

- AS gagal menyiasat ratusan laporan penderaan, penyeksaan, rogol dan pembunuhan oleh polis Iraq dan

KOMANDO Iraq menutup muka seorang lelaki ketika kediamannya di barat Baghdad diperiksa.





Julian Assange

tentera' AS yang beroperasi di Samarra dan dianggotai beberapa bekas Pengawal Republikan Saddam Hussein dan terkenal kerana mendera tahanan.

Penulis *New York Times*, Peter Maass, memberitahu *Guardian Films*: "Tentera dan penasihat AS, berdiri bersebelahan dan tidak melakukan apa-apa, sementara anggota Briged Serigala memukul dan mendera tahanan. Komando mengambil alih perpustakaan awam di Samarra, dan menukarnya kepada pusat tahanan," katanya.

Satu temuramah dilakukan Maass pada 2005 di penjara yang diubah suai, ditemani penasihat tentera AS Briged Serigala, Kolonel James Steele, diganggu jeritan menamatkan seorang tahanan, katanya. Steele dilaporkan sebelum ini bekerja sebagai penasihat bagi membantu menamatkan satu pemberontakan di El Salvador.

Selain bukti mengejutkan pembabitian AS dalam penderaan rakyat Iraq, kisah menyeyramkan lain didedahkan dalam rekod WikiLeaks termasuk perincian kira-kira puluhan ribu orang awam yang dibunuh selepas pencerobohan Amerika termasuk lebih 15,000 kematian yang tidak direkodkan sebelumnya.

Antara insiden biasa ialah 'Operasi Tirai Besi' membabitkan serangan 17 hari oleh lebih 2,500 anggota marin dan tentera di bandar Husaybah pada 2005. Beberapa hari selepas serangan, AS mencanangkan tindakan itu sebagai kejayaan bagi tentera Amerika - menyebabkan 139 'pemberontak' maut.

Namun rekod WikiLeaks menunjukkan AS menyedari sekurang-kurangnya 25 orang awam turut terkorban dalam serangan itu termasuk 11 kanak-kanak dan 10 wanita.

Selepas serangan, apabila disoal wartawan *Washington Post* mengenai laporan kematian orang awam, Kolonel Michael Denning, pegawai atasan udara bagi Divisyen Marin kedua, menyatakan 'pemberontak akan membunuh orang awam dan cuba menyalahkan kami.'

Namun wartawan *The Guardian*, Jonathan Steele menyatakan, "Dari laporan perisikan, jelas ketika

puluhan kes.

Beratus log perang bocor menggambarkan imaginasi tidak terbatas pendera dengan keseluruhan mangsa tidak berdaya selepas diikat, disumbat mulut, ditutup mata dan diasingkan sebelum disebat lelaki berpakaian seragam menggunakan kabel wayar, batang besi, hos getah, kayu, antena televisyen, paip air getah, tali kipas enjin atau rantai besi.

Log juga mendedahkan, pendera boleh berbuat sesuka hati termasuk mengantung mangsa pada pergelangan tangan atau buku lali; diikat dalam keadaan menyedihkan; dicabul secara seksual atau dirogol; disiksa dengan cili, rokok, asid, ragum atau air mendidih.

Pendera tidak perlu takut kerana tiada siasatan dibuat jika pegawai Iraq menyerang seorang rakyat Iraq biasa.

Kebanyakan mangsa adalah lelaki muda, namun ada juga log merekodkan serangan serius dan seksual ke atas wanita; ke atas golongan muda termasuk budak lelaki 16 tahun yang digantung dari siling dan dipukul; orang tua termasuk seorang lelaki kurang upaya yang kaki cacatnya sengaja diserang. Log itu mendedahkan pesalah termasuk askar, pegawai polis, pengawal penjara dan pengawal penguat kuasa sempadan.

Dalam kes tertentu, log itu menunjukkan tentera AS menyerahkan tahanan kepada askar Iraq walaupun mereka tahu orang itu akan didera.

Antara laporan itu ialah kiraan rasmi seorang penyiasat tentera yang mengancam menyerahkan seorang tahanan Iraq kepada 'Briged Serigala', sebuah batalion Iraq dikendalikan oleh 'penasihat

membabitkan seorang lelaki yang ditahan polis kerana disyaki membuat bom.

Di balai polis, seorang pegawai menembaknya di kaki dan dalam buku daftar menyatakan tahanan itu 'disiksa sehingga patah tulang selangka, tubuhnya dipenuhi luka serta lebam disebat dengan batang kayu dan saluran air pada belakangnya.' Semua ini direkodkan sebagai 'akibat penderaan.' Hasilnya: "Tiada siasatan lanjut."

Banyak kes itu dilabel tentera AS sebagai 'tiada siasatan lanjut' atau 'siasatan tidak diperlukan.' Ia adalah arahan tentera dikenali sebagai 'Frago 242,' kata Davies.

Arahan itu dikeluarkan pada Jun 2004, ditujukan kepada Tentera Bersekutu supaya tidak menyiasat 'sebarang pelanggaran undang-undang konflik bersenjata' termasuk penderaan tahanan kecuali ia secara langsung membabitkan tentera Amerika atau askar negara lain.

Jika warga Iraq dituduh mendera warga Iraq lain, 'hanya satu laporan awal akan dibuat. Tiada siasatan lanjut diperlukan kecuali diarahkan ibu pejabat.'

Walaupun pihak berkuasa tentera AS menafikannya, tidak syak lagi bahawa askarnya membenarkan tentera Iraq mendera tahanan. Seperti dinyatakan Davies, perkara itu bukan terjadi dalam satu atau dua kes atau malah

raib diperiksa seorang askar Amerika.

tentera yang jelas sistematik dan tidak disekat.

- Sebuah krew helikopter tempur AS yang terbabit dalam satu insiden ganas di Baghdad, membunuh pemberontak Iraq selepas musuh cuba menyerah diri.

- Lebih 15,000 orang awam maut dalam insiden tidak diketahui sebelumnya. AS dan Britain menegaskan kematian orang awam tidak dicatat namun rekod menunjukkan kematian 66,081 bukan akibat perang daripada 109,000 kematian.

- Pelbagai laporan tahanan didera sering disokong bukti perubahan, tahanan dirantai, ditutup mata dan digantung pergelangan tangan atau kaki, disebat, ditumbuk, ditendang atau dikenakan kejutan elektrik. Enam laporan berakhir dengan kematian tahanan.

Semua ini dibocorkan kepada WikiLeaks. Tetapi, jumlah sebenar kematian dan kemusnahan di tangan tentera AS di Iraq, jauh lebih besar. Lebih menyayat hati, dokumen WikiLeaks menunjukkan nyawa rakyat biasa Iraq begitu murah.

Rekod menunjukkan, tentera AS menyaksikan penderaan menggerunkan termasuk dipukul, ditembak malah seksaan sistematik dan tidak melakukan apa-apa untuk menghentikan penderaan itu, namun menghalang siasatan dijalankan.

Satu daripada kes seperti itu, menurut wartawan Nick Davies dari *The Guardian*,

Iraq

8 3 29

egara Teluk

Denning ditemuramah, pihak berkuasa AS tahu lebih 24 wanita dan kanak-kanak maut di kawasan yang dibom pesawat AS.”

Laporan lain daripada log menunjukkan insiden selepas insiden di mana orang awam menaiki kereta dianggap sebagai penyerang bunuh diri dan akhirnya ditembak. Akhbar *The Guardian* menggambarkan log itu sebagai mendedahkan perincian mengerikan kes tentera AS membunuh orang awam tidak bersalah di pusat pemeriksaan, di jalan raya dan ketika serbuan ke atas rumah penduduk. Mangsa termasuk berpuluh wanita dan kanak-kanak. AS jarang mengakui kematian mereka secara terbuka.

Angka serbuan ke atas rumah orang awam di Iraq ketara dalam kes kematian orang awam serta dalam serbuan sebelum fajar di sebuah bandar di Rutba pada 11 September 2005. Walaupun tiada siapa dalam rumah terabit berusia lebih 10 tahun,

FOTO terkenal penderaan tahanan Iraq oleh askar Amerika di Penjara Abu Ghraib.



ANGGOTA polis Iraq menunjukkan kesan penderaan ke atas mereka.


marin tetap melepaskan tembakan menyebabkan seorang budak perempuan 10 tahun dan bayi lelaki terbunuh sementara tiga lagi kanak-kanak cedera akibat letupan.

Ketika ramai berang dengan potret perincian log WikiLeaks terhadap skala kekejaman perang AS dan penjajahan, golongan berhaluan kanan mengunci mulut.

Dalam tinjauan terbaru di laman web *Fox News*, sebagai contoh, Penyumbang Fox dan bekas penasihat Jabatan Negara, Christian Whiton menuduh pendedahan dokumen WikiLeaks "adalah tindakan perang politik ke atas Amerika... WikiLeaks adalah sebuah organisasi asing yang mendapatkan dokumen itu hasil perisikan dan ia bermaksud menggunakan maklumat itu untuk menyekat dan mengubah dasar Amerika."

Whiton terus mendesak supaya pengasas WikiLeaks, Assange dan rakannya didakwa kerana mengintip dan mungkin mengisytiharkan perang ke atas musuh bagi 'memberi laluan kepada tindakan tanpa perundangan ke atas mereka.'

Washington Times yang konservatif menyokong tindakan serupa, mencadangkan bahawa 'kerajaan perlu melancarkan perang ke atas laman web WikiLeaks.'



SEORANG anggota polis Iraq menunjukkan kesan lebam selepas didera ketika dirawat di Hospital Yarmouk, Baghdad.